



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (156)

Tarikh : 13 Ogos 2016

Siaran Media

PROGRAM GERAK KERJA RAKAN TAMAN 2016 DI TAMAN KOMUNITI DESA SEJAHTERA, KOTA TINGGI, JOHOR DARUL TA'ZIM

Kota Tinggi, 13 Ogos 2016 – Majlis Pelancaran Program Gerak Kerja Rakan Taman 2016 disempurnakan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pagi ini.

2. Pelaksanaan Program Gerak Kerja Rakan Taman 2016 pada pagi ini telah dijalankan secara serentak di seluruh negara. Buat masa ini terdapat 125 buah Rakan Taman yang aktif di seluruh negara dengan purata keahlian 50 orang setiap sebuah Rakan Taman. Pada hari ini dianggarkan lebih dari 90 buah Rakan Taman seluruh negara mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan landskap di kejiranan mereka secara serentak. Aktiviti Rakan Taman yang dijalankan adalah seperti penanaman pokok, penyelenggaraan tanaman dan taman, pembersihan kemudahan awam dan aktiviti senaman riadah. Bagi Rakan Taman yang mempunyai kebun komuniti, aktiviti melibatkan penanaman semula serta kutipan hasil dan jualan produk akan dilaksanakan untuk menarik minat masyarakat setempat.

3. Kemuncak bagi Program Gerak Kerja Rakan Taman 2016 yang dijayakan di Taman Komuniti Desa Sejahtera, Kota Tinggi, Johor Darul Ta'zim ini adalah penyerahan *mock cheque* Rakan Taman kepada 13 Pengerusi / Wakil Rakan Taman oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Antara aktiviti yang dilangsungkan

pada hari ini ialah senamrobik, pertandingan mewarna, penanaman pokok dan aktiviti gotong-royong di kalangan ahli-ahli Rakan Taman dan komuniti setempat.

4. Pelaksanaan Gerak Kerja Rakan Taman secara serentak ini diharap dapat memangkin keinginan dan semangat ahli Rakan Taman khasnya dan masyarakat umum amnya untuk melaksanakan aktiviti dan program kesukarelawan secara menyeluruh untuk memberi impak yang positif kepada keindahan, kebersihan dan keselamatan kawasan lapang dan kejiranan seluruh negara.

5. Rakan Taman diwujudkan lanjutan daripada sambutan Hari Landskap Negara 2013 yang telah dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 3 Mac 2013 di Taman Kejiranan Mergong Jaya Fasa 1, Alor Setar, Kedah dengan tema Komuniti Penggerak Negara Taman. Program Rakan Taman ini diuruskan secara bersama antara Jabatan Landskap Negara (JLN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jawatankuasa Rakan Taman dan Ahli Rakan Taman.

6. Rakan Taman dilaksanakan atas tujuan untuk menyemai kesedaran di kalangan masyarakat untuk mencintai serta mempunyai sifat kepunyaan kepada taman awam, taman kejiranan atau kawasan lapang sebagai aset awam yang perlu dipelihara dan dijaga. Disamping itu, pelaksanaan aktiviti Rakan Taman akan dapat menyemarakkan semangat perpaduan dan intergasi sosial di kalangan masyarakat.

7. Beberapa aktiviti dirangka bagi tujuan pengisian program Rakan Taman. Aktiviti seperti gotong royong membersihkan taman secara berkala serta melaksanakan aktiviti-aktiviti riadah bagi mengimarah, menjaga, memulihara serta melindungi taman awam, merupakan langkah pengisian bagi menggerakkan penglibatan komuniti. Sehingga kini terdapat 139 Rakan Taman telah ditubuhkan di seluruh negara yang aktif melakukan kerja-kerja kesukarelawan di dalam kawasan lapang. Jabatan Landskap Negara mengalakkan komuniti untuk menubuhkan Rakan Taman melalui Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

8. Pelaksanaan Program Gerak Kerja Rakan Taman 2016 di kawasan Parlimen Tenggara ini dijayakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT), jabatan dan agensi di peringkat KPKT dan negeri Johor Darul Ta'zim, ahli-ahli Rakan Taman, penduduk setempat dan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP).

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my